

Kertas Bil. 11/2021



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS
PADA 30 OKTOBER 2020,
02 – 06 NOVEMBER 2020 DAN
09 – 11 NOVEMBER 2020**

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(*PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC*) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR
BERKAITAN YAYASAN SELANGOR
KERTAS BILANGAN 35/2020**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
Kertas Mesyuarat Bil 35 / 2020	PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS)	5.1 Jawatankuasa menggesa YS untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan pendaftaran ALPAYS di SSM dikemaskini dengan segera dan Jawatankuasa mendapati status tersebut telah pun dikemaskini pada 14 September 2020. Jawatankuasa juga menyarankan supaya YS sentiasa mengemaskini maklumat berkaitan didalam SSM setiap kali berlakunya sebarang perubahan.			<p>Pihak Pengurusan YS komited untuk memastikan semua keperluan Akta Syarikat 2016 seperti yang disarankan oleh Jawatankuasa Kira-Kira (PAC) termasuk sentiasa mengemaskini maklumat pendaftaran ALPAYS mengikut saranan SSM dan LHDN.</p> <p>Terkini, pihak YS dalam proses untuk mendapatkan kelulusan LHDN dan SSM bagi pendaftaran ALPAYS yang baharu seperti berikut:</p> <p>(a) Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, Pegawai Kewangan Negeri Selangor; (b) En. Zainal Bin Abas, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan (c) Pn. Hajah Anismah Binti Md. Noh, Pengarah Pendidikan Negeri Selangor.</p>



DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
 Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
 Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA YANG KE EMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
	5.2	Jawatankuasa berpandangan YS tidak harus meneruskan proses penjualan aset dan keputusan berkaitan pembangunan hartanah ditangguh sehingga proses kemaskini ALPAYS di SSM diselesaikan dan sehingga cadangan tersebut dibawa dan diputuskan oleh ALPAYS yang baru.			<p>Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (MALPAYS) telah bersidang pada 7hb Oktober 2020 setelah semua proses kemaskini ALPAYS diselesaikan dan dipatuhi di SSM.</p> <p>MALPAYS berkenaan juga telah meluluskan ratifikasi semua Minit-minit MALPAYS, resolusi pekeliing dan tindakan korporat yang berkaitan yang telah diambil ALPAYS sebelum itu.</p> <p>Kelulusan ratifikasi ini juga adalah termasuk kelulusan penjualan aset tidak strategik YS secara tender atau sebut harga terbuka pada tahun 2021 dan beberapa pembangunan hartanah YS yang telah diluluskan sebelum ini.</p>
	5.3	Jawatankuasa tidak bersetuju keputusan YS untuk meneruskan penjualan aset memandangkan YS mempunyai kontrak jangka panjang pembangunan hartanah yang			<p>Pulangan kepada YS bagi Projek Pembangunan Tanah di Kg Pandan ini akan mengambil masa panjang dan bukan untuk aliran tunai semasa.</p>



.....
DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		<p>dijangka akan membawa pulangan sekurang-kurangnya RM300 juta dalam tempoh 7 tahun dari 2019.</p>			<p>Berdasarkan terma perjanjian pembangunan yang telah dimeterai oleh kedua-dua belah pihak, YS hanya menerima bayaran minimum sebanyak RM 15 juta untuk tempoh dari tahun 2019 sehingga tahun 2023.</p> <p>Selepas tahun 2024 sehingga tahun 2027, barulah YS akan mendapat sejumlah besar baki pulangan secara berperingkat dan akan digunakan untuk membiayai program pendidikan untuk rakyat Negeri Selangor.</p> <p>Penjualan aset-aset tidak strategik YS dibuat atas dasar pertimbangan perniagaan dan keputusan yang lebih menguntungkan YS dalam jangka masa pendek dan panjang.</p> <p>Aset-aset tidak strategik ini diperolehi sebagai bayaran pulangan secara 'in-kind' akibat kegagalan projek pembangunan hartanah yang dilaksanakan sebelum tahun 2008 didapati tidak strategik dari</p>

.....


DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA YANG KE EMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		<p>5.4 Jawatankuasa menggesa YS, sekiranya penjualan aset diluluskan oleh ALPAYS baru, kaedah penjualan aset perlu mematuhi tatacara pelupusan aset yang betul supaya tidak berlaku urusniaga haram.</p>			<p>segi faktor komersil dan tidak memberi pulangan hasil yang baik dan menguntungkan kepada YS.</p> <p>Ini menyebabkan YS menanggung kos pegangan (<i>holding cost</i>) yang tinggi dan peruntukan untuk pendidikan tidak dapat dimaksimumkan.</p> <p>Untuk makluman, MALPAYS telah meluluskan penjualan aset tidak strategik pada 19hb Disember 2019 mengikut proses dan kaedah yang telah diluluskan pada ketika itu.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, berdasarkan cadangan Jawatankuasa agar YS melaksanakan proses tender bagi penjualan aset ini, pihak pengurusan kemudiannya telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah pada MALPAYS pada 7hb Oktober 2020 bagi meneruskan penjualan baki aset tidak</p>



.....
DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA YANG KE EMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
					strategik melalui proses tender atau sebut harga terbuka.
5.5		<p>Majoriti Ahli Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri melantik ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga wakil yang bebas dan profesional di dalam YS supaya berlakunya semak-imbang dalam keputusan pengurusan dan YS dapat kembali ke era kegemilangannya dan membantu lebih ramai anak Selangor.</p> <p><i>(Untuk makluman, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YS adalah badan yang bertanggungjawab untuk mentadbir YS berdasarkan Tatawujud dan Tataurus YS.)</i></p>			<p>Secara umumnya komposisi Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS) telah ditetapkan di dalam Tatawujud dan Tataurus (<i>Memorandum and Articles of Association</i>) Yayasan Selangor (M&A) yang telah ditetapkan sejak tahun 1970, iaitu tahun penubuhan YS selaras dengan keperluan Akta Syarikat dan SSM serta LHDN.</p> <p>Justeru, pihak kami berpandangan bahawa sebarang pelantikan Ahli Dewan Negeri atau wakil bebas ke dalam barisan ALPAYS adalah tertakluk di bawah Tatawujud dan Tataurus (M&A) YS, SSM dan LHDN.</p>
5.6		Jawatankuasa menggesa ALPAYS baru memantau operasi, aktiviti dan			Dari segi pemantauan operasi, aktiviti dan perolehan keuntungan, di dalam struktur



.....
DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGAL KETIGA YANG KE EMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		perolehan keuntungan yang disasarkan diperolehi dalam tempoh yang ditetapkan.			<p>organisasi YS, ALPAYS telah meluluskan pembentukan jawatankuasa pemantau di bawah ALPAYS yang mempunyai fungsi dan peranan masing-masing seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan 2. Jawatankuasa Pengurusan 3. Jawatankuasa Pengurusan Risiko 4. Jawatankuasa Tender. <p>ALPAYS juga telah meluluskan Piagam Ahli Lembaga Pemegang Amanah pada 7hb Oktober 2020 untuk memantau serta memastikan pengurusan YS menjalankan tanggungjawab dengan amanah, efektif dan berintegriti dalam mencapai objektif penubuhan YS.</p>
		5.7 Jawatankuasa menyarankan YS memberikan agihan peruntukan yang lebih tinggi kepada pendidikan dan bukan kepada pengurusan.			Secara dasarnya, Pengurusan YS komited untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membiayai aktiviti



.....
DATO' SRI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGAL PENGAL KETIGA YANG KE EMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
					<p>pendidikan yang menjadi keutamaan dan objektif penubuhan YS.</p> <p>Untuk memastikan objektif tercapai, ALPAYS telah meluluskan Pelan Tindakan Strategik (PTS) YS pada 19hb Disember 2019 merangkumi pelan tindakan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penstrukturan Organisasi dan Tema Rujukan 2. Penambahbaikan Prosedur Kendalian Standard (SOP), Tadbir Urus Korporat, Pengurusan Risiko dan Kontigensi 3. Penambahbaikan Operasi Pengurusan dan Kemampunan Kewangan. <p>Setakat ini, pelan strategik berkenaan berjalan mengikut perancangan dan berada pada landasan yang betul dan mula memperlihatkan hasil yang positif.</p>



DATO-SERI AMIRUDIN BIN SHARI
 Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
 Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGKAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		5.8 Jawatankuasa menggesa agar penyata kewangan perlulah diaudit setiap tahun selaras dengan Seksyen 9 Akta Audit 1957 agar tiada berlakunya ketirisan dalam transaksi YS.			<p>Pihak Pengurusan yakin selepas proses ini berjaya, pihak YS mampu menjadi agensi utama bagi pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan inisiatif pendidikan secara menyeluruh.</p> <p>YS adalah Syarikat Berhad Menurut Jaminan tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan peraturan yang ditetapkan oleh SSM serta garis panduan yang di tetapkan oleh LHDN termasuk menyediakan Penyata Kewangan Beraudit bagi setiap tahun kewangan berakhir selaras dengan objektif memastikan pengurusan YS sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan adalah telus dan berintegriti.</p> <p>Untuk itu YS komited untuk memastikan penyata kewangan tahunannya diaudit setiap tahun mengikut garis panduan SSM dan LHDN.</p> <p>Untuk makluman, Penyata Kewangan bagi tahun 2016 sehingga tahun 2019 telah</p>

.....
DATO SRI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGAL KETIGA YANG KE EMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
					<p>diaudit dan diluluskan MALPAYS pada 7hb Oktober 2020. Ianya juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan YS yang telah diadakan pada 18hb Disember 2020 yang lalu selaras keperluan Akta Syarikat dan SSM.</p> <p>YS kini dalam proses untuk memastikan Penyata Kewangan Beraudit Yayasan Selangor bagi tahun 2020 diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan YS Kali Ke-44 serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh SSM dan LHDN.</p>

.....


DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Selangor